



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	6/6/2011

Sistem pembentungan rosak teruk, sisa kumbahan terpaksa disalurkan ke laut **Penduduk Gaza diancam penyakit**

Oleh NAZMIL NASIRUDDIN
pengarang@utusan.com.my

SEPADANG 5 Jun - Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, tindakan Israel menghalang kemasukan paip Polyvinil Chloride (PVC) untuk membaiki sistem pembentungan di Gaza yang diusahakan Yayasan Keamanan Global Perdana (PGPF) bakal menyebabkan perairan di sekitar wilayah itu tercemar.

Beliau yang juga Presiden PGPF berkata, ini berikutan sistem pembentungan Gaza kini rosak teruk dan mengakibatkan hasil sisa kumbahan terpaksa terus disalurkan ke laut.

"Hasil sisa kumbahan tersebut boleh mendatangkan ancaman penyakit kepada negara berdekatan perairan yang terjejas itu termasuk terhadap Israel sendiri.

"Israel langsung tidak kisah terhadap bantuan kemanusiaan yang Cuba disampaikan kepada penduduk Gaza, tetapi mereka hanya memikirkan kuasa yang mereka miliki," katanya.

Bekas Perdana Menteri itu ditemui pemberita selepas menyambut kepulangan tujuh sukarelawan anggota kapal MV Finch dari Gaza yang diketuai Matthias Chang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLLA), di sini, semalam.

Hadir sama, Penasihat PGPF, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Pengerusinya, Tan Sri Norian Mai.

Dalam pada itu, beliau berkata, cuba berani sukarelawan untuk tidak memasuki Gaza menunjukkan mereka tidak menghiraukan sekatan

Hasil sisa kumbahan tersebut boleh mendatangkan ancaman penyakit kepada negara berdekatan perairan yang terjejas itu termasuk terhadap Israel sendiri
DR. MAHATHIR MOHAMAD
Presiden PGPF

Israel kerana perairan itu bukanlah kepunyaan negara Yahudi itu, sebaliknya milik rakyat Palestin.

"Justeru, misi bantuan kemanusiaan tersebut boleh dianggap berjaya," tegasnya.

Sementara itu, Chang berkata, PGPF mempertikaikan tindakan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Ban Ki-Moon yang mengarahkan setiap bantuan kemanusiaan ke Palestin perlu mengikuti saluran sah melalui Israel.

Beliau berkata, arahan Ki-Moon itu ternyata tidak logik dan tidak boleh diterima akal dan hanya menggalakkan lagi Israel untuk bertindak ganas terhadap rakyat Palestin.

"Arahan yang diberikan oleh Setiausaha Agung PBB itu juga seolah-olah memberi galakan kepada Israel untuk terus menunjukkan kekuasaan mereka," katanya.



DR. Mahathir Mohamad dan Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali bersama Aktivis Keganasan Ireland, Derek Graham (dua, kanan), Jenny Graham dan Aktivis Keganasan Malaysia, Matthias Chang (kanan) yang menyertai misi menghantar paip PVC ke Gaza dengan anak kapal MV Finch pada pertengahan bulan lepas sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, kelmarin. BERNAMA